

**KENYATAAN MEDIA**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PHARMANIAGA, PERISIND SAMUDRA JALIN KERJASAMA  
MEMACU INISIATIF DEKARBONISASI KE ARAH EKONOMI  
KARBON RENDAH GLOBAL**

**SHAH ALAM, 14 OKTOBER 2022** – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) dan Perisind Samudra Sdn Bhd (PSSB) hari ini menandatangani Perjanjian *Heads of Agreement* (HoA) bagi pelaksanaan Program Dekarbonisasi ke arah ekonomi karbon rendah dan pembangunan ekonomi hijau yang kini diadaptasi secara meluas seluruh dunia.

HoA ini akan menyaksikan penubuhan syarikat usaha sama bagi melaksanakan inisiatif kemampanan Program Dekarbonisasi syarikat Kumpulan Pharmaniaga di samping memanfaatkan kepakaran teknikal dan sumber daripada kedua-dua organisasi.

Perjanjian HoA ini ditandatangani oleh Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Eusope dan Pengarah Urusan PSSB Dato' Mohd Shafiee Mohd Sanip, disaksikan oleh Pengerusi Pharmaniaga Datuk Seri Zainal Abidin Mohd Rafique dan En Mohd Rosidi Mohamed, Penasihat Kumpulan PSSB (Hijau).

Datuk Zulkarnain berkata Perjanjian HoA ini merupakan perancangan strategik buat Pharmaniaga sebagai organisasi yang fokus kepada kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), sejajar dengan strategi ESG Boustead Holdings Berhad - Agenda Boustead Hijau (BIJAU).

“Syarikat-syarikat utama di seluruh dunia kini beralih ke arah ekonomi karbon rendah selaras dengan nilai kelestarian dan ESG. Malah, institusi kewangan dan pelabur juga memberi keutamaan kepada perniagaan yang mengamalkan nilai ESG.

“Ini termasuklah meningkatkan penawaran kemudahan kewangan hijau bagi membantu organisasi beralih ke arah amalan karbon rendah dan menangani isu perubahan iklim dengan baik.

“Di Malaysia, Bank Negara telah menetapkan garis panduan yang sangat jelas untuk menggalakkan institusi kewangan tempatan menyokong perniagaan yang mengamalkan ekonomi karbon rendah. Diharap lebih banyak institusi kewangan dan pelabur dapat menyokong dan melabur dalam Pharmaniaga, iaitu sebuah syarikat farmaseutikal yang menjurus ke arah ekonomi karbon rendah serta syarikat-syarikat lain seperti kami,” katanya.

Dengan pelaksanaan Program Dekarbonisasi ini, Datuk Zulkarnain berkata Syarikat berharap untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan pelepasan karbon dalam operasinya di seluruh Malaysia dan Indonesia. Syarikat juga telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif kelestarian seperti kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui, serta penggunaan kenderaan elektrik (EV).

Baru-baru ini, Pharmaniaga merupakan antara syarikat farmaseutikal pertama yang telah melancarkan penggunaan kenderaan EV untuk penghantaran ubat-ubatan di beberapa kawasan di Lembah Klang sebagai salah satu inisiatif untuk mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau.

Projek bukti konsep ini menjadi asas kepada inisiatif yang lebih lestari bagi keseluruhan rangkaian perniagaan logistik dan edaran Pharmaniaga dalam Program Dekarbonasi ini.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

---

#### **MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantai perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel [najmuddin@pharmaniaga.com](mailto:najmuddin@pharmaniaga.com) atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email [zuhri@pharmaniaga.com](mailto:zuhri@pharmaniaga.com).